

**Pendidikan negara jauh lebih baik – Muhyiddin
Utusan Online
01 April, 2012**

KUALA LUMPUR 31 Mac – Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menyelar tindakan sesetengah pihak yang selama ini mempertikai kualiti pendidikan negara berbanding negara-negara luar.

Hakikatnya, jelas Timbalan Perdana Menteri, generasi muda di negara ini mendapat pendidikan yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar di Amerika Syarikat, Britain dan Jerman.

Menurut beliau, fakta tersebut berdasarkan laporan Daya Saing Global 2011/2012 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang meletakkan kualiti pendidikan negara berada di tangga ke-14 dan di tempat kedua selepas Singapura dalam kalangan negara-negara ASEAN.

“Ini satu pencapaian yang amat membanggakan. Ramai yang mengadu pendidikan negara tidak baik. Tetapi ini (laporan) telah dikeluarkan oleh WEF. Sudah pasti kejayaan itu adalah hasil usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan rakyat dalam meningkatkan kualiti pendidikan, modal insan serta daya saing negara.

“Justeru, saya yakin dan percaya dengan adanya usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara dan kualiti modal insan yang dilahirkan, kita akan dapat meningkatkan lagi kedudukan negara dalam indeks daya saing global pada masa depan.

“Selain itu, kita bersyukur kerana usaha kita untuk meningkatkan daya saing negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini mula menampakkan hasil. Mengikut laporan sama yang dikeluarkan WEF, Malaysia berada di tangga ke-21 daripada 142 negara iaitu naik lima anak tangga daripada kedudukan ke-26 dalam laporan sebelumnya.” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup Karnival Pengajian Tinggi Negara 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm